



قَابِلْتُمْ كَوْنًا حَاكِمًا شَرِيًّا نَكْرِي قَوْلًا وَفِينَا

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami: JKSP.600-1/3/1 (16)

Tarikh : 11 Januari 2016

01 Rabiul Akhir 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2016
PERINTAH NAFKAH EDDAH DAN NAFKAH ANAK DALAM KES-KES
PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2015 pada 11 Disember 2015 dan sebagaimana peruntukkan seksyen 74 (1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 bahawa :-

1. Tiap-tiap Mahkamah yang memberi dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau yang membenar dan merekodkan sesuatu talaq atau apa-apa bentuk pembubaran perkahwinan lain hendaklah memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya dan bekas isterinya seperti yang berikut:
 - a. Perintah Nafkah Eddah sebanyak RM300 sebulan selama tempoh eddah; dan/atau,



- b. Perintah Nafkah Anak :-
- i. RM 200.00 bagi satu (1) orang anak.
 - ii. RM 150.00 setiap seorang bagi dua (2) hingga lima (5) orang.
 - iii. RM 100.00 setiap seorang bagi enam (6) orang anak dan ke atas.
2. Walau apa pun perintah berkenaan Nafkah Eddah adalah tertakluk kepada hukum syarak.
3. Perintah-perintah tersebut hendaklah berkuatkuasa sehingga ada perintah lain dibuat.
4. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan jumlah yang diperintahkan, samada terlebih atau terkurang bolehlah memfailkan permohonan ubah perintah.


Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang

**GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN
PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL 1 TAHUN 2016
PERINTAH NAFKAH EDDAH DAN NAFKAH ANAK DALAM KES-KES PEMBUBARAN
PERKAHWINAN**

Kertas ini adalah merupakan garis panduan kepada pelaksanaan Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 1 Tahun 2016 iaitu yang berkaitan pengeluaran perintah nafkah eddah dan nafkah anak oleh Hakim Syarie secara mandatori dalam kes-kes pembubaran perkahwinan. Pekeliling tersebut hendaklah dilaksanakan sebagaimana berikut:-

1. Jenis-jenis kes pembubaran perkahwinan adalah seperti berikut:
 - a. Tuntutan Perceraian
 - b. Tuntutan Fasakh
 - c. Tuntutan Takliq
 - d. Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai
 - e. Tuntutan Khuluk/Tebus Talak
 - f. Tuntutan Li'an
 - g. Pertukaran Agama

2. Hakim Syarie yang mengendalikan kes hendaklah memastikan kausa tindakan setiap tuntutan dipenuhi dan perkara-perkara berikut disiasat dengan wajar :-
 - a. Bidangkuasa Mahkamah
 - b. Locus Standi
 - c. Wujud ikatan pernikahan
 - d. Sabit perceraian
 - e. Kemampuan dan anggaran pendapatan Bapa/Bekas Suami
 - f. Anggaran keperluan perbelanjaan anak.

3. Pekeliling tersebut terpakai dalam semua keadaan kes termasuk perbicaraan sebelah pihak, suami/bapa ghaib/hilang dan suami/bapa yang menjalani hukuman pemenjaraan.

4. Pelaksanaan Pekeliling tersebut dikecualikan dalam keadaan berikut:
 - a. Terdapat bentuk persetujuan lain tentang jumlah dan cara pembayaran nafkah.
 - b. Isteri menolak hak/ibra' hak Nafkah Eddah.
 - c. Baba/Suami diktiraf oleh undang-undang sebagai Orang Tak Berkeupayaan dan/atau Orang Miskin.
 - d. Bagi mana-mana anak yang telah melampaui lamanya tempoh perintah bagi nafkah anak sebagaimana peruntukkan seksyen 80 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004.
 - e. Bagi Anggota Tentera yang tertakluk di bawah Akta Angkatan Tentera 1972/Kaedah-kaedah/peraturan-peraturan dan/atau apa-apa statut dan undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas seorang anggota Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM).

5. Tiap-tiap tuntutan yang dibuat hendaklah dikemukakan bersama salinan dokumen berikut semasa peringkat pendaftaran kes:
 - a. Kad Pengenalan Plaintiff
 - b. Sijil Nikah/Ruju'
 - c. Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran anak.

6. Keutamaan kaedah pembayaran nafkah adalah secara potongan gaji.

7. Walau apa pun arahan dalam pekeliling tersebut dan garis panduan ini, seorang Hakim Syarie diberikan kebebasan dan keluasan dalam membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut. Namun perintah-perintah tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan kehendak dan maksud pekeliling tersebut.

8. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Bil 1 Tahun 2016 adalah berkaitan.



قِيَامَتِكُمْ وَأَحْكَامُ شَرِيئَتِكُمْ قَوْلًا وَقِيَامَةً

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (17)

Tarikh : 14 Januari 2016

4 Rabiul Akhir 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 2 TAHUN 2016

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN TAHUN 2015

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengeluarkan sebanyak 9 Arahan Amalan Tahun 2015 yang mana telahpun dipersetujui dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 16 hingga 18 November 2015. (Arahan Amalan Tahun 2015 dilampirkan).

Sehubungan dengan itu, saya mengindorskan semua Arahan Amalan Tahun 2015 ke Negeri Pulau Pinang dan hendaklah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016. YA./ Tuan/ Puan hendaklah memastikan semua Arahan Amalan tersebut digunapakai sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KEADILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman-Syariah
Negeri Pulau Pinang



Certified to ISO 9001:2000
Cert. No. - AR 3103

SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)



جنازہ جاکیم شریعہ مالسیا

KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4(20)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 2015 Tambahan Kod Dewan Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan penambahan kod Dewan Mahkamah seperti berikut :-

Bil	Kod	Tajuk
1.	11300	Kod Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kuala Terengganu, Terengganu Dewan 3
2.	11400	Kod Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kemaman. Terengganu Dewan 4
3.	11600	Kod Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Besut, Terengganu Dewan 5
4.	10012	Kod Mahkamah Rendah Syariah Ampang Selangor



جائزہ شریعتیہ مالیشیا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (21)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri**

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2015 Tambahan Kod Pendaftaran Kes

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan tambahan kod pendaftaran kes **jenayah dan kes mal** seperti berikut:-

Kod	Tajuk
188	Kesalahan Takzir (Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991)
189	Permohonan Melanjutkan Tempoh Rayuan Kes Jenayah
190	Kesalahan Mewatie'
083	Tuntutan Hak Jagaan Anak Tak Sah Taraf
084	Tuntutan Nafkah Anak Tak Sah Taraf

2. Arahan Amalan No 1 Tahun 2000, Arahan Amalan 9 Tahun 2003, Arahan Amalan No 14 Tahun 2004, Arahan Amalan No 14 Tahun 2005 dan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2010 adalah berkaitan.



جناين حكام شرعية ماليسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (22)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

ARAHAN AMALAN NO.3 TAHUN 2015 Pindaan Tajuk Kod Kes 043 Permohonan Keluar Islam

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan pindaan tajuk kod kes mal 043 daripada Permohonan Keluar Islam kepada **Permohonan Pengisytiharan Status Agama**.

2. Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 adalah berkaitan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.

(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



چاتر جاکیم شرعیہ مالسیا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (23)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri**

**ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2015
Kod Warna Bagi Rekod Rayuan Mahkamah Syariah
Seluruh Malaysia**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung pemfailan rekod rayuan dan dokumen berkaitan di Mahkamah Syariah hendaklah menggunakan kod warna-warna seperti berikut :-

**(a) Kod warna kertas pemisah bagi rekod rayuan Mahkamah Rayuan
Syariah**

- | | |
|---|---------------------------|
| (i) Rekod Rayuan (Mal) | <u>Merah</u> |
| (ii) Rekod Rayuan (Jenayah) | <u>Merah Jambu</u> |
| (iii) Hujah/Jawapan Kepada Hujah Balas
/Ikatan Autoriti Perayu/ Pemohon
(Mal, Jenayah dan Faraid) | <u>Biru</u> |
| (iv) Hujah/Ikatan Autoriti Responden
(Mal, Jenayah dan Faraid) | <u>Oren</u> |
| (v) Hujah/Ikatan Autoriti Pencelah | <u>Ungu</u> |



جنازة كرامين شرعية فالسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (24)
Takwim : 3 Rabi'ulawal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 5 TAHUN 2015
Penyerahan Notis Sulh Secara Akuan Penerimaan Pos Berdaftar
(A.R. Registered)

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung dengan prosedur penyerahan Notis Sulh kepada pihak-pihak di dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut prosedur penyerahan saman sebagaimana yang terdapat di dalam Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri atau secara akuan penerimaan pos berdaftar (A.R. Registered) mengikut mana-mana yang bersesuaian.

2. Arahkan Amalan No.8 Tahun 2003 dibatalkan.

Arahkan Amalan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.

(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



جائزہ نیکو کاروں سے مالِ سیئہ

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (25)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

ARAHAN AMALAN NO.6 TAHUN 2015

Peraturan Penggunaan Kertas Perintah Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berkenaan pemakaian kertas perintah Mahkamah. Setiap perintah mahkamah yang dikeluarkan hendaklah dimeterai dengan materi besi.

2. Setiap pengeluaran perintah mahkamah atau penggunaan Kertas A4 yang telah dimeterai dengan materi besi tersebut di setiap Mahkamah Negeri-Negeri hendaklah tertakluk kepada peraturan di bawah ini:-

2.1 Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibu pejabat) adalah bertanggungjawab ke atas pengawalan pengeluaran perintah mahkamah atau penggunaan Kertas A4 yang telah dimeterai dengan materi besi tersebut ;

2.2 Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibu pejabat) hendaklah menyediakan dan merekodkan nombor-nombor siri kertas keselamatan perintah tersebut sebelum diagih-agihkan ke daerah-daerah;



جائزہ جاکیم شریعہ مالسیا

KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (26)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2015
Penyeragaman Proses Kerja Dan Carta Aliran Sulh Di JKSN/MSN
Seluruh Malaysia

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung Penyeragaman Proses Kerja Dan Carta Aliran Sulh Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) / Mahkamah Syariah Negeri (MSN) seluruh Malaysia sebagaimana di **Lampiran**.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.


(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia


BIL	PERINGKAT / PROSES KERJA	FINAL PROSES KERJA SULH JKSN / MSN SELURUH MALAYSIA	TINDAKAN
1.	Pendaftaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Daftar dan agihkan kes untuk Majlis Sulh serta catatkan maklumat kes dalam rekod daftar Sulh (jika ada). 2. Jana dan serah Notis Sulh kepada pihak Plaintif. 3. Serah Notis Sulh kepada Pihak Defendan secara serahan kediri. 	<p>Pembantu Pendaftar</p> <p>Pembantu Pendaftar</p> <p>Pembantu Pendaftar/Penghantar Notis/Plaintif/Wakil Plaintif</p>
2.	Penyediaan Fail	<ol style="list-style-type: none"> 1. Buka fail :- <ol style="list-style-type: none"> 1 - Fail Induk 2 - Fail Sulh 2. Pastikan fail Sulh mengandungi dokumen seperti yang berikut :- <ol style="list-style-type: none"> i. Senarai Semak ii. Kertas minit iii. Notis Sulh iv. Afidavit Penyampaian / Tanpa Serah (<i>Selepas penyampaian dibuat</i>) v. Perintah dan Surat Iringan untuk Penyampaian Luar Bidangkuasa (<i>jika berkaitan</i>) vi. Catatan Pegawai Sulh 	<p>Pembantu Pendaftar</p> <p>Pembantu Pendaftar</p>

			<ul style="list-style-type: none"> • Dapatkan tarikh terdekat untuk pihak-pihak hadir di hadapan Hakim. • Maklumkan kepada pihak-pihak, tarikh untuk hadir bagi tujuan merekodkan perjanjian penyelesaian sebagai penghakiman persetujuan. • Serahkan sesalanan laporan Majlis Sulh dan perjanjian penyelesaian seperti dalam borang KS3 kepada Mahkamah yang berbidangkuasa untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan • Simpan sesalanan laporan Majlis Sulh dan perjanjian penyelesaian dalam fail induk. 	<p>Pegawai Sulh</p> <p>Pegawai Sulh</p> <p>Pegawai Sulh</p> <p>Pembantu Pendaftar</p>
4.	Sulh Gagal / Tidak Hadir	1.	<p>Jika Sulh Gagal (pihak-pihak hadir):-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dapatkan tarikh sebutan yang sesuai daripada SPKMS / Pembantu Hakim. • Serahkan Saman dan Penyata Tuntutan kepada pihak-pihak. • Sediakan afidavit penyampaian untuk simpanan fail Induk. • Kemaskini status Sulh Gagal dalam SPKMS dan daftar rekod Sulh (jika berkenaan) • Sediakan laporan Majlis Sulh seperti dalam borang KS3 • Serahkan laporan Majlis Sulh dan fail induk kepada Mahkamah yang berbidangkuasa 	<p>Pegawai Sulh</p> <p>Pegawai Sulh/Pembantu Pendaftar</p> <p>Pegawai Sulh/Pembantu Pendaftar</p> <p>Pegawai Sulh</p> <p>Pegawai Sulh</p> <p>Pegawai Sulh</p>


CARTA ALIRAN
PROSES KERJA SULH JKSN/MSN SELURUH MALAYSIA

PERINGKAT PROSES KERJA





PROSES SULH SELESAI





جناين كلكمن شرعية ما لسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (27)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.**

**ARAHAN AMALAN NO. 8 TAHUN 2015
Penyelarasan Prosedur Kes Pengesahan
Lafaz Cerai**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan kes pengesahan lafaz cerai seperti berikut :-

- i) Kes hendaklah didaftarkan dalam satu (1) tuntutan walaupun berbilang lafaz.
- ii) Hakim boleh mengarahkan pindaan atau tambahan kepada pliding sekiranya terdapat lafaz lain yang didakwa selain daripada lafaz-yang terdapat dalam Pernyataan Tuntutan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.

(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



جنايتن كجاكمن شعيبة ماليسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800

03-8886 4888

Faks : 03-8889 1621

email : ibrahim@esyariah.gov.my

Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM/600-1/2/4 (28)
Takwim : 3 Rabi'ulawwal 1437H
Tarikh : 15 Disember 2015

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2015
Kehadiran Salah Satu Pihak Di Hadapan Hakim Semasa Perintah
Persetujuan Dibuat

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2015 pada 4hb hingga 6hb Safar, 1437H bersamaan 16hb hingga 18hb November 2015 di Holiday Villa Hotel & Suites Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan mengenai **kehadiran salah satu pihak di hadapan hakim bagi merekodkan perintah persetujuan.**

2. Perjanjian penyelesaian yang ditandatangani di hadapan pegawai sulh hendaklah direkodkan di mahkamah sebagai perintah persetujuan dengan kehadiran pihak-pihak. Pihak yang tidak hadir hendaklah mengendorskan persetujuannya di hadapan hakim di mana-mana mahkamah syariah .

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2015.

(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.



قِيَامَةُ كَوْنِ حَاكِمِ شَرِيحِي بِنَدْوِي قُوْلُو قِيَامَتِي

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (18)

Tarikh : 20 Januari 2016

10 Rabiul Akhir 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 3 TAHUN 2016 PERLAKSANAAN SISTEM E-SIAP

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2015 telah bersetuju dan memutuskan untuk mengunapakai dan melaksanakan sepenuhnya sistem **E-SIAP (E- Shariah Instant Access Procedure)**.

2. Bagi tujuan pelaksanaan sistem E-SIAP, Pegawai Sulh, Penolong Pendaftar dan seorang Pembantu Pendaftar di tiap-tiap Mahkamah adalah bertanggungjawab sebagai Pemandu Utama kepada pelaksanaan sistem ini.

3. Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015 adalah dikecualikan ke atas kes-kes E-SIAP yang telah ditentukan untuk dirujuk ke Majlis Sulh sebagaimana Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010.

4. Garis Panduan pelaksanaan E-SIAP adalah seperti di lampiran A.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang



Certified to ISO 9001 : 2000
Cert. No. : AR 3103

SYARIAH ASAS KeadILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

**GARIS PANDUAN
PROSES KERJA E-SIAP**

BAHAGIAN I

PENGENALAN

1. Projek ini dinamakan sebagai *E-Shariah Instant Access Procedure*
2. Projek ini mencetus inovasi bagi memperkenalkan satu sistem *E-Syariah Instant Acces Procedure* atau singkatan (E-SIAP) yang merupakan proses pengurusan kes yang dilaksanakan dengan rangkaian elektronik menggunakan komputer dan telefon pintar.
3. Pembangunan sistem E-SIAP merupakan satu idea kreativiti dan inovasi bagi mewujudkan pengurusan perkhidmatan yang cekap dan berkesan agar dapat memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsive kepada kehendak dan keperluan pelanggan dengan lebih cepat dan menjimatkan masa.
4. Projek ini dikhususkan bagi kes yang melibatkan persetujuan yang telah dicapai oleh pihak-pihak untuk diendoskan pada hari yang sama semasa pendaftaran kes.
5. Kes akan di dengar terus pada hari yang sama di hadapan hakim selepas pendaftaran tanpa menunggu tarikh tangguhan sebutan dalam masa 21 hari seperti mana yang telah ditetapkan dalam piagam pelanggan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang.
6. Projek ini hendaklah terpakai hanya dalam kes-kes Mal (*selepas ini disebut sebagai kes-kes tersebut*) yang tertentu seperti yang berikut ;

BIL	KOD	KETERANGAN
1	016	Tuntutan Muta'ah
2	017	Tuntutan Harta Sepencarian
3	018	Tuntutan Nafkah Isteri
4	021	Tuntutan Nafkah Eddah
5	022	Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
6	023	Tuntutan Tunggakan Nafkah
7	024	Tuntutan Nafkah Anak
8	025	Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/ Nafkah Anak

9	026	Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak/ Nafkah Anak
10	028	Tuntutan Hak Jagaan
11	055	Tuntutan Perceraian
12	037	Tuntutan Penghutang Penghakiman

7. Terdapat lapan (8) syarat bagi pelaksanaan E-SIAP seperti yang berikut ;
- a) Jenis/ Kod kes sepertimana yang ditetapkan dalam garis panduan ini;
 - b) Mestilah mempunyai persetujuan bersama bagi membolehkan pendengaran kes pada hari yang sama dan dapat di selesaikan pada hari yang sama;
 - c) Kedua-dua pihak perlu hadir bersama semasa pendengaran kes bagi merekodkan persetujuan yang telah dicapai;
 - d) Perjanjian yang dipersetujui tidak melanggar undang-undang dan hukum syarak;
 - e) Kes difailkan di mahkamah yang berbidangkuasa;
 - f) Hakim berkelapangan semasa pendengaran kes ;
 - g) Pendaftaran kes adalah diterima pada setiap hari Isnin sehingga Khamis sebelum jam 3.00 petang ; dan
 - h) Dokumen asal dan salinan yang berkaitan (sepertimana terdapat di dalam borang senarai semak).
8. Kelebihan E-SIAP ini dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga kerja tanpa melalui prosiding yang panjang.
9. E-SIAP ini juga sebagai satu bentuk Inovasi Jabatan yang dapat mencetus idea-idea kreatif dan inovasi sepertimana pelaksanaan E-Pliding dan E-Judgement bagi mempercepatkan lagi proses pendengaran kes di mahkamah.
10. Slogan E-SIAP ini adalah “ Hari Ini Setuju Hari Ini Selesai “.

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN

1.	<p>E-Pliding diterima oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Hakim; b. Unit Sulh; c. Kaunter: <p>(Untuk urusan pendaftaran kes, pastikan, tujuh (8) syarat adalah seperti yang berikut)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kenalpasti kod/ jenis pendaftaran kes ; ii. Ada persetujuan bersama yang telah dicapai oleh pihak-pihak; iii. Pihak-pihak hadir bersama; iv. Perjanjian yang dipersetujui tidak melanggar undang-undang dan hukum syarak; v. Hakim dan semasa pendegaran kes; vi. Kes difailkan di mahkamah yang berbidangkuasa; dan vii. Pendaftaran kes adalah diterima pada setiap hari Isnin sehingga Khamis sebelum jam 3.00 petang viii. Dokumen asal dan salinan (seperti borang senarai semak) <p>Salinan penyata tuntutan diserahkan kepada pelanggan (Bayaran RM 5.00)</p>	5 minit
2.	Terima fi dari pelanggan dan daftar kes dalam SPKMS	2 minit
3.	Jana saman dan serah saman kepada Defendan serta dapatkan tandatangan sebagai bukti penerimaan.	3 minit
4.	<p>Unit Sulh mengambil tindakan sulh berjaya dan menagihkan kepada Hakim.</p> <p>(Rujuk Pekeliling Ketua Hakim Syarie JKSNPP Pengecualian kehadiran majlis sulh dan penyediaan perjanjian persetujuan bagi ke E-SIAP Bil/2014)</p>	3 minit

LAMPIRAN A

	BAHAGIAN III PENDENGARAN	
1.	Hakim menerima fail fizikal daripada Pembantu Hakim	2 minit
2.	Hakim buka sistem E-Bicara dan E-Judgement	2 minit
5.	Hakim mulakan pendengaran dengan merekod persetujuan yang telah dicapai	5 minit
6.	Hakim baca keputusan	2 minit
7.	Hakim menyediakan perintah bertulis melalui sistem E-Judgement	5 minit
8.	Perintah bersih dijana dalam 4 salinan.	1 minit
	BAHAGIAN IV PERINTAH	
1.	Pembantu menerima perintah yang telah dijana untuk mendapatkan tandatangan dan meterai mahkamah	3 minit
2.	Menerima bayaran dan jana resit bayaran.	2 minit
3.	Penyampaian perintah kepada pihak-pihak pada hari yang sama	2 minit

LAMPIRAN A

4.	Failkan perintah bertulis tersebut ke dalam fail kes 1 salinan dan 1 salinan ke dalam fail khas (float) perintah- perintah mahkamah.	2 minit
5.	Simpan fail-fail	2 minit



قِيَابَةُ كُنْفَرِ الْحَاكِمِ شَرِيهِ نَبْكَرِي قَوْلًا وَقِيَابَةً

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (19)

Tarikh : 14 April 2016
6 Rejab 1437H

Yang Arif Hakim- Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 4 TAHUN 2016

PENETAPAN PERBICARAAN TIGA HARI BERTURUT-TURUT DAN TANGGUHAN TIDAK MELEBIHI DUA MINGGU BAGI PENYELESAIAN KES TERTUNGGAK

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2016 pada 1 Februari 2016 telah meluluskan usul Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pemantauan dan Penyelesaian kes tertunggak bil. 1 tahun 2016. Bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes tertunggak, Mahkamah hendaklah menetapkan perbicaraan kes-kes berkenaan tiga hari berturut-turut dan sebarang penangguhan kes tidak boleh melebihi dua minggu.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KeadILAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KeadILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)



قِيَابَةُ كَفَرَاتِ شَرِيحَةِ نَدْرِي قَوْلًا وَقِيَابَةُ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (20)

Tarikh : 14 April 2016

6 Rejab 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 5 TAHUN 2016
KETERANGAN SAKSI KES MAL MELALUI AFIDAVIT**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2016 pada 1 Februari 2016 telah meluluskan usul Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pemantauan dan Penyelesaian kes tertunggak bil. 1 tahun 2016.

Bagi mempercepatkan penyelesaian kes tertunggak, keterangan saksi bolehlah dibuat melalui Afidavit dan dibacakan pada hari perbicaraan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 101 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. Pemeriksaan balas terhadap Afidavit berkenaan boleh dibuat mengikut Seksyen 118 Enakmen yang sama.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)



قِيَامُ كِتَابِ الْحَاكِمِ شَرِي فِي قَوْلِ الْوَقِينِ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (21)

Tarikh : 6 Julai 2016

4 Zulhijjah 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 6 TAHUN 2016

PENETAPAN SEMPADAN BIDANGKUASA JENAYAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 3 Tahun 2016 pada 15 Julai 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, had bidangkuasa tempatan Mahkamah bagi pertuduhan dan perbicaraan sesuatu kes Jenayah Syariah di Negeri Pulau Pinang adalah mengikut sempadan daerah bidangkuasa Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”

“ SYARIAH ASAS KeadILAN”


Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KeadILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)



قَابِلَةُ كَفَاةٍ حَاكِمِيَّةٍ نَكْرِيَّةٍ قَوَّالِيَّةٍ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (32)

Tarikh : 6 Julai 2016

4 Zulhijjah 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 7 TAHUN 2016
PERINTAH FARAIAD ADALAH DIKEHENDAKI BAGI KES TUNTUTAN HARTA
SEPENCARIAN AKIBAT KEMATIAN**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 3 Tahun 2016 pada 15 Julai 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, penamaan pihak-pihak bagi kes Tuntutan Harta Sepencarian akibat kematian hendaklah melibatkan semua ahli waris yang berhak ke atas suatu bahagian harta pusaka si Mati.

2. Oleh itu, tiap-tiap permohonan kes tersebut hendaklah disertakan bersama Perintah Faraid.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.


Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“SYARIAH ASAS KEADILAN”**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAP., PJK.)

Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



Certified to ISO 9001:2000
Cert. No. AP 3103

SYARIAH ASAS KEADILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)



قَابِلَاتُ كَفَاةٍ حَاكِمِيَّةٍ نَبَدِيَّةٍ فَوْقَ لَوَاقِبَتِهِ

PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/2 (23)

Tarikh : 6 Julai 2016

4 Zulhijjah 1437H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah

Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar

Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 8 TAHUN 2016
PROSEDUR PEMINDAHAN KES DARI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KE MAHKAMAH
TINGGI SYARIAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Pegawai Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 3 Tahun 2016 pada 15 Julai 2016 telah bersetuju dan memutuskan bahawa, Jika Hakim mana-mana Mahkamah Rendah Syariah berpuas hati bahawa mana-mana prosiding di dalam Mahkamah itu boleh dengan lebih senang atau adil dibicarakan di dalam suatu Mahkamah yang lebih tinggi, maka prosiding kes tersebut hendaklah dipindahkan mengikut prosedur yang ditetapkan di Lampiran A.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.


Sekian.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KeadILAN”**

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN DSPN., SAR., BJK.)


Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SYARIAH ASAS KeadILAN

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

PROSEDUR PEMINDAHAN KES DARI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KE MAHKAMAH TINGGI SYARIAH



1. Apabila Hakim MRS mendapati kausa tindakan kes di bawah MTS:-
Dalam masa 7 hari hantar ke MTS :-
 - a. Surat iringan;
 - b. Borang Rafa' Kes (*Arahan Amalan No. 7 Tahun 2008*);
 - c. Catatan Hakim (bertaip) mengenai kes perlu dirafa'; dan
 - d. Kesemua dokumen asal kes yang dikeluarkan dari fail asal kes dan dimasukkan dalam fail sampul kecil.
2. Sediakan salinan pendua (Saman & Penyata Tuntutan / Permohonan dan Afidavit) dan masukkan dalam fail asal kes.
3. Rekodkan kes yang dihantar di dalam Buku Rekod Rafa' kes
4. Terima dan rekodkan kes di dalam Buku Rekod Rafa' Kes
5. Tetapkan YA. Hakim yang akan mendengar kes dan serahkan fail kepada YA. Hakim
6. YA. Hakim membuat keputusan
7. Pendaftar keluaran Perintah.
8. **Dalam masa 7 hari dari tarikh penerimaan kes, hantar ke MRS:-**
 - a) Jika Rafa' kes dibenarkan,
 - i. Surat Iringan - nyatakan sekali tarikh sebutan kes tersebut di MTS)
 - ii. Perintah
 - b) Jika Rafa' kes ditolak
 - i. Surat iringan
 - ii. Perintah
 - iii. Fail Sampul Kecil
9. Terima perintah dari MTS
10. **Dalam masa 7 hari dari tarikh penerimaan Perintah,**
 - a) Jika Rafa' kes dibenarkan:-
 - i. Kemaskini status kes sebagai (pindah kes) di dalam sistem esyariah.
 - ii. Hantar *borang ms18* (Notis Pemindahan Tindakan ke MTS dari MRS) kepada pihak-pihak/peguam dan Pendaftar MTS. Nyatakan tarikh sebutan yang telah ditetapkan oleh MTS di dalam borang tersebut.
 - b) Jika Rafa' kes ditolak, masukkan kembali dokumen asal ke dalam fail dan panjangkan kepada hakim MRS.

PROSEDUR PEMINDAHAN KES DARI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KE MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

